

bah

Mahathir - Umno

SAYA TIDAK AKAN MEMIHAK KEPADA SESIAPA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata naib presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim berhak bertanding jawatan Timbalan Presiden pada perhimpunan agung Umno November ini.

Namun begitu, Dr Mahathir menegaskan bahawa beliau tidak akan memihak kepada mana-mana calon jika berlaku pertandingan bagi jawatan itu.

Perdana Menteri berkata adalah wajar untuk beliau tidak memihak kepada mana-mana calon bagi memastikan perpaduan parti terus wujud.

"Saya tidak boleh keluar dan menyokong mana-mana pihak kerana saya sepatutnya neutral.

"Kalau saya menyokong, ianya akan menyebabkan pihak yang saya tak sokong tidak sanggup menerima nasihat saya (kelak)," katanya ketika menjawab pertanyaan pemberita di sini mengenai pemilihan pucuk pimpinan Umno November ini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), sebelum itu merasmikan perhimpunan agung ke-40 MIC di Dewan Serbaguna Tenaga Nasional Berhad di sini. -- lagi

▼07/08/12-31MSH

U GB 07-08 00143 BU335

bah

Mahathir - Umno 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata adalah menjadi tugasnya untuk mencantumkan Umno sekiranya wujud perpecahan di kalangan anggota parti jika berlaku pertandingan sengit di kalangan calon-calon.

"Tetapi pendapat saya ialah, kalau tidak ada pertandingan memang lebih baik daripada mengadakan pertandingan kerana bila ada pertandingan tetap ada perpecahan sedikit sebanyak," kata Dr Mahathir.

Beliau menyambut baik pendirian Anwar tidak akan bertanding untuk jawatan nombor dua itu tetapi akan menyerahkan keputusan kepada anggota parti.

"Tetapi kalau dia tukar pendiriannya, itu soal dialah...saya tak boleh nak halang dia," katanya lagi.

Perdana Menteri berkata apa yang wujud sekarang ialah suatu konflik antara perlembagaan parti dan tradisi.

Dr Mahathir pada Khamis lalu berkata perlembagaan parti membolehkan pertandingan untuk jawatan timbalan presiden tetapi daripada segi tradisi parti, pertandingan sememangnya tidak wujud. -- lagi

▼07/08/13-04MSH

CNS8406

U GB 07-08 00100 BU339

bah

Mahathir - Umno 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga mengulangi pendiriannya bahawa sepatutnya tiada pertandingan bagi jawatan timbalan presiden yang kini dipegang oleh Encik Ghafar Baba.

Ketika ditanya sama ada pucuk pimpinan Umno akan berusaha untuk mencari satu "kompromi" agar tidak wujud pertandingan bagi jawatan timbalan presiden, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak wujud kerana setakat ini tiada sebarang masalah.

"Mengapa perlu wujud kompromi apabila kita tiada masalah...saya tidak melihat sebarang masalah. Saya tidak tahu mengapa orang ramai ghairah (mengenai perkara ini)," katanya. -- Bernama

ES RON

▼07/08/13-31MSH